



## OBJEKTIF PERTANDINGAN

1. Sebagai satu aktiviti Kelab Perkhidmatan Awam yang mensasarkan kepada anak-anak ahli kelab.
2. Menyediakan satu aktiviti terancang dalam bentuk peraduan bagi anak-anak Ahli Kelab.
3. Mendedahkan kepada penghasilan daya kreativiti anak-anak.
4. Mengumpul anak-anak dikalangan Ahli Kelab disamping mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli.
5. Mendedahkan kanak-kanak dalam suasana persaingan yang sihat melalui aktiviti berbentuk peraduan.

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA ANJURAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM

1. Terbuka kepada anak-anak Ahli Kelab Perkhidmatan Awam.
2. Yuran Penyertaan dikenakan sebanyak \$5.00 setiap seorang peserta. Yuran hendaklah dibayar tunai.
3. Kategori Penyertaan:  
  
Kategori 'A' berumur 6 hingga 8 tahun  
Kategori 'B' berumur 9 hingga 12 tahun
4. Pensil melukis, pembaris dan pemadam hendaklah disediakan oleh peserta. Penganjur hanya menyediakan pensil warna dan kelengkapan seperti kertas lukisan berukuran A3/A4.
5. Lukisan adalah mengikut Tema yang ditetapkan mengikut kategori yang dipertandingkan.
6. Masa melukis dan mewarna adalah selama 1 jam 30 minit (90 minit) sahaja,
7. Ibu/Bapa atau Penjaga adalah tidak dibenarkan membantu dan memasuki bilik-bilik pertandingan.
8. Pertandingan akan berlangsung selama satu hari pada hari tarikh yang telah ditetapkan mulai jam 08.30 pagi.
9. Tempat pertandingan ialah di Kelab Perkhidmatan Awam.
10. Peserta yang lewat hadir pada hari pertandingan adalah dikira menarik diri dan penyertaan adalah dibatalkan dengan serta merta.
11. Yuran Penyertaan tidak akan dikembalikan kepada mana-mana peserta yang telah dibatalkan penyertaannya atau tidak hadir, lewat hadir atau menarik diri.
12. Hakim adalah terdiri daripada Pelukis Dewan Bahasa & Pustaka. Keputusan hakim adalah muktamad.
13. Hasil karya peserta akan menjadi hak milik penganjur. Penganjur berhak mempamerkan dan mengeluarkan semula karya peserta dalam apa jua bentuk bersesuaian dengan pameran dan cetakan bertujuan untuk publisiti dan promosi TANPA NOTIS pemberitahuan terlebih dahulu, persetujuan dan sebarang pembayaran kepada peserta.
14. Dengan menyertai peraduan ini, peserta telah bersetuju untuk mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam peraduan ini.
15. Hadiah kepada pemenang adalah seperti berikut:  
  
Pertama: Wang tunai sebanyak \$100.00 (Kategori 'A' & 'B')  
Kedua: Wang tunai sebanyak \$80.00 (Kategori 'A' & 'B')  
Ketiga: Wang tunai sebanyak \$50.00 (Kategori 'A' & 'B')  
Saguhati: 5 barangan alat-alat tulis (Kategori 'A' & 'B')

Perhatian:

Satu borang untuk seorang peserta. Sila gunakan borang baru jika bilangan peserta (anak) ramai.